

Bil elektrik tidak naik tahun depan — Moggie

KUALA LUMPUR, Selasa — Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, hari ini memberi jaminan bayaran elektrik sepanjang tahun depan tidak akan dinaikkan.

"Dari tinjauan yang dibuat, kami yakin bayaran elektrik tidak akan dinaikkan tahun depan," jelasnya.

Bagaimanapun, beliau memberitahu, kenaikan mungkin tidak dapat dielakkan sekiranya keadaan yang tidak diduga memaksa kementeriannya berbuat demikian.

Datuk Moggie berkata, kajian sedang dibuat untuk mengurangkan kesan sebarang kenaikan bayaran elektrik ke atas pengguna.

Menurutnya, kementeriannya mungkin mengadakan dua bayaran elektrik di mana para pengguna akan dikenakan bayaran berlainan dalam satu-satu tempoh masa.

Para pengguna akan dikenakan bayaran yang lebih sekiranya menggunakan elektrik di waktu-waktu penggunaan kuasa elektrik yang banyak dan di waktu-waktu yang kurang penggunaannya, bayarannya adalah lebih rendah, jelasnya.

Beliau berkata, kajian oleh Lembaga Letrik Negara (LLN) itu akan dibentangkan untuk pengetahuan jemaah menteri tidak lama lagi.

Beliau memberitahu demikian ketika mengulung perbahasan anggaran belanjawan kementeriannya untuk tahun depan di Dewan Rakyat.

Belanjawan berjumlah \$157,659,210 itu diluluskan.

Menjawab soalan Encik Chan Teck Chan (BN-Kota Melaka), Datuk Moggie berkata, 93.8 peratus dari tunggakan hutang pengguna kepada Jabatan Telekom sejumlah \$114 juta, diselesaikan pada 31 Mac 1978.

"Akaun bil-bil telefon terkumpul Jabatan Telekom tidaklah begitu tinggi kerana para pengguna diminta menjelaskan hutang mereka dalam masa 45 hari," terangnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia